

**PERATURAN PERTANDINGAN PETANQUE WANITA
KARNIVAL KOKURIKULUM MATRIKULASI (KAKOM) 2017
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan Petanque KAKOM 2017

2.0 UNDANG-UNDANG

- 2.1 Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan akan dijalankan mengikut tertakluk kepada Undang-undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Games of Petanque) yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Jeu Provinal (FIPJP) yang sedia terpakai dan pindaan-pindaannya yang dilakukan pada Tahun 2010 di Izmer, Turkey.
- 2.2 Sekiranya terdapat perselisihan/persoalan dari segi undang-undang permainan, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 2.3. Ketua Arbiter dirujuk sebagai Ketua Pengadil adalah individu yang diberikan Tauliah untuk memberi keputusan bagi sebarang pertikaian berkaitan teknikal Pertandingan dengan merujuk kepada peraturan dan undang-undang yang terpakai.
- 2.4. Sebarang bantahan rasmi berkaitan teknikal pertandingan akan diberikan Pertimbangan sewajarnya oleh Ketua Arbiter bersama Jawatankuasa Teknikal, Seterusnya Ketua Arbiter mencadangkan usul dan berbincang bersama Pengerusi Kejohanan sebelum memberikan keputusan yang muktamad.

3.0 TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

26 Hingga 28 Ogos 2017 (sila rujuk jadual pertandingan)

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 4.1. Kolej Matrikulasi Perak
Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

5.0 PENYERTAAN

- 5.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kolej Matrikulasi KPM dan Kolej Mara yang mengendalikan program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.2 Setiap kolej hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja yang disertai:

	WANITA
Pengurus /JurulatihPasukan	1 orang
Pemain	<u>3 orang</u>
Jumlah	<u>4 orang</u>

6.0 KELAYAKAN PESERTA

Sila rujuk Perkara 5.0 Peraturan Am

7.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

7.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan pada 25 OGOS 2017 (sila rujuk jadual pertandingan).

7.2 Nama-nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan pada mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut. (**SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN**). Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad.

7.3 Sila rujuk Perkara 17.0 Peraturan Am

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Penyertaan lima (5) pasukan dan kurang
Pertandingan akan dijalankan secaraliga satu pusingan.

8.2 Penyertaan lebih daripada lima (5) pasukan

8.2.1 Pertandingan pusingan awal akan dijalankan secara liga 2 kumpulan. Johan dan Naib Johan setiap kumpulan layak ke pusingan separuh akhir.

8.2.2 Pertandingan di peringkat separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati.

8.2.3 Pasukan yang menang di peringkat separuh akhir akan bertanding untuk menentukan johan dan naib johan.

8.2.5 Kedua-dua pasukan yang kalah di peringkat separuh akhir akan dianggap sebagai pemenang tempat ke tiga bersama

- 8.3 Sistem pemberian mata bagi bagi pertandingan secara liga adalah seperti berikut :
- | | |
|--------|----------|
| Menang | : 2 mata |
| Kalah | : 0 mata |
- 8.4 Pasukan yang menarik diri atau member *walk-over* dalam satu-satu perlawanan akan hilang kelayakan untuk bermain perlawanan seterusnya. Semua perlawanan yang terdahulu dengan sendirinya terbatal.
- 8.5 **Adalah menjadi tanggungjawab pemain untuk mencatat skor dan mengesahkan keputusan perlawanannya dengan menurunkan tandatangan di atas borang markah yang disediakan.**
- 8.6 Sekiranya berlaku percanggahan keputusan antara pemain, keputusan pengadil akan diguna pakai.
- 8.7 Keputusan yang telah disahkan hanya boleh diubah dengan persetujuan Ketua Pengadil.

9.0 MENENTUKAN KEMENANGAN

- 9.1 Pasukan yang mempunyai mata yang paling banyak sekali adalah dikira sebagai johan kumpulan.
- 9.2 Jika 2 pasukan seri, pasukan yang menang semasa pertemuan antara mereka dikira menang.
- 9.3 Jika terdapat 3 pasukan yang seri;
- 9.3.1 pasukan yang memperolehi skor paling tinggi dalam kiraan 'Internal Difference' (beza skor antara pasukan seri) dikira sebagai pemenang
 - 9.3.2 Jika masih seri, pasukan yang memperolehi skor paling tinggi dalam kiraan 'External Difference' (beza skor antara pasukan yang bertanding) dikira sebagai pemenang
 - 9.3.3 Jika masih seri, undian akan dijalankan

10.0 KELEWATAN

- 10.1 Pasukan yang gagal hadir setelah panggilan perlawanan diumumkan, akan didenda 1 mata bagi 5 minit pertama dan 1 mata bagi setiap 5 minit seterusnya sehingga 30 minit.
- 10.2 Sekiranya pasukan tersebut gagal hadir dalam masa 30 minit, kemenangan 13-0 akan diberi kepada pihak lawan.

11.0 TEMPOH PERLAWANAN

- 11.1 Perlawanan akan dijalankan sebanyak satu (1) set sahaja
- 11.2 Mata penamat adalah **13 atau dalam masa 2 jam**
- 11.3 **Sekiranya kaedah penentuan perlawanan bermasa digunakan, pasukan yang mendahului mata selepas tempoh masa tamat adalah dianggap sebagai pemenang. Sekiranya mata seri, tambahan 1 end akan diberikan.**

12.0 PAKAIAN PESERTA DAN PERALATAN

- 12.1 Pemain hendaklah memakai pakaian seragam pasukan masing-masing. Hanya **baju 'T' berlengan**. Pihak pengelola berharap semua pemain dapat menutup aurat.
- 12.2 Hanya kasut sukan sahaja yang dibenarkan di dalam gelanggang semasa pertandingan.
- 12.3 Pihak penganjur berhak untuk tidak akan membenarkan mana-mana pemain menyertai Pertandingan ini sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 12.4 Hanya '*match boules*' sahaja yang dibenarkan untuk digunakan semasa pertandingan, contoh boules yang dibenarkan adalah jenama seperti LA FRANC dan PLASTONG (Buatan Thailand), OBUT dan JB (Buatan Perancis)
- 12.5 Boules latihan (training) tidak boleh digunakan.
- 12.6 Pemain dikehendaki membawa boules sendiri.
- 12.7 Jack akan disediakan oleh pihak penganjur dan harus dipulangkan kembali selepas tamat perlawanan.
- 12.8 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak kejauhan atau menentukan mata hendaklah disediakan oleh pemain sendiri atau pasukan yang bertanding.

13.0 MENARIK DIRI

Sila rujuk Perkara 18.0 Peraturan Am

14.0 PENANGGUHAN

- 14.1 Sila rujuk Perkara 11.0 Peraturan Am

14.2 Sekiranya mana-mana perkara yang tidak dinyatakan dalam Perkara 11.0 Peraturan Am ,
Jawatankuasa Penganjur adalah berhak untuk memindahkan / menambah peraturan-peraturan
yang difikirkan perlu. Sebarang keputusan adalah muktamad.

15.0 PEGAWAI TEKNIKAL

15.1 Pertandingan akan diadili oleh pengadil yang bertauliah yang dilantik.

15.2 Keputusan pengadil adalah muktamad.

16.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

Sila rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am

17.0 TINDAKAN TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

17.1 Setiap kesalahan pemain dan pegawai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

17.2 Seseorang pemain yang diarah keluar gelanggang dan tidak dibenarkan meneruskan permainan
adalah dengan sendiri digantung bermain dalam perlawanan berikutnya, sehinggalah
Jawatankuasa Tatatertib telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

18.0 JURI RAYUAN

18.1 Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am

19.0 JAWATANKUASA TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

Sila rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am

20.0 KEHILANGAN BARANG-BARANG DAN KEMALANGAN

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am

21.0 PENGUNDIAN

Sila rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am

22.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Perkara 20.0 Peraturan Am.

23.0 HADIAH (WANITA)

23.1 Emas (3 Pemain, 1 Pengurus / Jurulatih)

23.2 Perak (3 Pemain, 1 Pengurus /Jurulatih)

23.3 Gangsa (6 Pemain, 2 Pengurus / Jurulatih)

24.0 HAL-HAL LAIN

25.1 Sila rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am